



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**ARAHAN MENGENAI PENGENDALIAN PROSIDING KES JENAYAH DI  
MAHKAMAH SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN  
TATACARA OPERASI STANDARD (SOP) PENCEGAHAN WABAK COVID-19  
DI MAHKAMAH SELURUH MALAYSIA BAGI PENGGUNA MAHKAMAH**

Bagi memastikan sistem keadilan jenayah tidak terjejas dan diteruskan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), YAA Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan Arahan bagi memperuntukkan mengenai pengendalian prosiding kes jenayah di Mahkamah semasa tempoh PKP. Arahan ini yang akan mula berkuat kuasa pada 27 Januari 2021 adalah diperbuat menurut kuasa YAA Ketua Hakim Negara di bawah seksyen 16A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] dan seksyen 3A Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] yang diubah suai melalui Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) 2020 [Akta 829].

Arahan ini adalah terpakai bagi semua prosiding kes jenayah yang dijalankan di Mahkamah-Mahkamah yang berada di negeri-negeri dan daerah-daerah di bawah PKP dan hendaklah dibaca bersama Arahan-Arahan Berhubung Dengan Pengendalian Kes Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan bertarikh 12 Januari 2021.

Bagi maksud menghadiri prosiding Mahkamah, pihak-pihak boleh merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Kawalan Pergerakan) 2021 [P.U.(A)8/2021] yang telah mula berkuat kuasa pada 12 Januari 2021.

Selain itu, bagi memastikan proses pentadbiran keadilan berjalan dalam keadaan selamat, teratur dan lancar, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah mengeluarkan Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak COVID-19 di Mahkamah Seluruh Malaysia (SOP) Bagi Pengguna Mahkamah yang akan berkuat kuasa pada 27 Januari 2021.

SOP yang dikeluarkan ini adalah terpakai bagi semua peringkat Mahkamah di seluruh Malaysia sekaligus akan menggantikan **Tatacara Pengendalian Piawai Pencegahan Wabak COVID-19 di Mahkamah Seluruh Malaysia Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang dikeluarkan oleh PKPMP pada 3 Mei 2020. Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak COVID-19 Di Mahkamah Seluruh Malaysia ini merangkumi Tanggungjawab Pengguna Mahkamah, Tatacara Am di Mahkamah, Liputan Media dan Arahan Berhubung Dengan Wabak COVID-19.

Bagi memudahkan pengguna Mahkamah memahami SOP tersebut, PKPMP telah mengeluarkan infografik seperti di lampiran. Semua pengguna Mahkamah juga boleh mengakses infografik SOP dan Arahan di atas melalui Portal Rasmi Badan Kehakiman Malaysia di pautan [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my).

Badan Kehakiman berharap agar semua pihak yang hadir ke Mahkamah akan mematuhi Arahan dan SOP yang dikeluarkan oleh Mahkamah, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam mengekang wabak COVID-19.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai berikut:

Puan Suzarika binti Sahak  
Pengarah  
Bahagian Komunikasi Korporat  
03-8880 4051/ [komunikasikorporat@kehakiman.gov.my](mailto:komunikasikorporat@kehakiman.gov.my)

Atau melayari media sosial Badan Kehakiman Malaysia seperti berikut;  
Facebook dan Youtube: The Malaysian Judiciary  
Instagram dan Twitter: MYJudiciary

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 20 Januari 2021**